

P.U. (A) 181.

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

**PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (PENGECUALIAN) (RADAS PENYINARAN
DI BAWAH 5 KILO ELEKTRON VOLTAN) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Pengecualian) (Radas Penyinaran di bawah 5 Kilo Elektron Voltan) 2002.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "radas penyinaran di bawah 5 kilo elektron voltan (keV)" ertinya suatu radas penyinaran yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion yang mengeluarkan tenaga maksimum 5 keV.

Pengecualian

3. Tiap-tiap orang yang ada dalam milikannya apa-apa radas penyinaran di bawah 5 keV adalah dikecualikan daripada peruntukan Akta tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa radas ini mempunyai tenaga maksimum yang berupaya mengeluarkan atau menghasilkan sinaran tidak melebihi 5 keV;
- (b) bahawa radas itu dibeli daripada penjual yang dilesenkan oleh Lembaga;
dan
- (c) bahawa orang itu memastikan bahawa radas itu tidak boleh berfungsi lagi sebelum dia melupuskannya.

Dibuat 27 Mac 2002.

[KSTAS. 260.010 A011/001K; PN(PU2)425/IV]

DATO' SERI LAW HIENG DING
Menteri Sains, Teknologi
dan Alam Sekitar

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut subseksyen 69(2) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984]

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING (EXEMPTION) (IRRADIATING APPARATUS BELOW 5 KILO ELEKTRON VOLT) ORDER 2002

In exercise of the powers conferred by section 69 of the Atomic Energy Licensing Act 1984 [Act 304], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Atomic Energy Licensing (Exemption) (Irradiating Apparatus Below 5 Kilo Elektron Volt) Order 2002**.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires, "irradiating apparatus below 5 kilo elektron volt (keV)" means an irradiating apparatus which is capable of producing ionizing radiation that emits the maximum energy of 5 keV.

Exemption

3. Every person who has in his possession any of the irradiating apparatus below 5 keV is exempted from the provisions of the Act subject to the following conditions:

- (a) that the apparatus acquired the maximum energy which is capable of emitting or producing radiation not exceeding 5 keV;
- (b) that the apparatus is purchased from a seller who is licensed by the Board; and
- (c) that the person ensures that the apparatus can no longer function before he disposes of it.

Made 27 March 2002.

[KSTAS. 260.010 A011/00IK; PN(PU2)425/IV]

DATO' SERI LAW HIENG DING
Minister of Science, Technology
and the Environment

[To be laid before the Dewan Rakyat and Dewan Negara in accordance with subsection 69(2) of the Atomic Energy Licensing Act 1984]